

**UCAPAN ALU-ALUAN NAIB CANSOLOR
HARI KUALITI UNIVERSITI MALAYA
23 APRIL 2026**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera

Yang Berhormat Tuan Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi,

Yang Berbahagia Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya,

Yang Dihormati, wakil daripada Malaysia Book of Records,

Yang Dihormati wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi,

Rakan-rakan pengurusan universiti, para dekan, pengarah, pentadbir, warga akademik, rakan-rakan media, para pelajar, serta semua hadirin yang saya hormati.

1. Hari ini kita tidak boleh bercakap tentang kualiti dalam kerangka yang sempit.
2. Kita tidak boleh lagi melihat kualiti sekadar sebagai soal prosedur, audit, dokumentasi, atau pematuhan dalaman. Itu tafsiran yang

terlalu kecil untuk zaman yang sedang kita hadapi. Dalam dunia hari ini, kualiti adalah soal ketahanan institusi, keupayaan negara, dan kredibiliti sebuah peradaban ilmu.

3. Kita bergerak ke arah fasa global yang sangat mencabar. Ekonomi dunia masih dibayangi ketidaktentuan, tekanan perdagangan, dan risiko geopolitik yang terus menggugat kestabilan pertumbuhan.
4. Serentak dengan itu, kita juga sedang menyaksikan tekanan besar dalam teknologi dan pasaran kerja. *Future of Jobs Report 2025* oleh World Economic Forum menunjukkan bahawa transformasi teknologi, peralihan hijau, ketidaktentuan ekonomi, dan perubahan demografi sedang merombak keperluan bakat serta kemahiran di seluruh dunia.
5. Justeru, apabila kita bercakap tentang kualiti pada hari ini, kita sebenarnya sedang bercakap tentang satu persoalan yang jauh lebih besar: adakah universiti kita, sistem pendidikan tinggi kita, dan negara kita benar-benar bersedia untuk memimpin dalam dunia yang semakin tidak menentu, semakin kompetitif, dan semakin kompleks dan bukan hanya diukur pada rankingnya sahaja.
6. Agenda kualiti sebenarnya bukan agenda dalaman Universiti Malaya semata-mata. Agenda kualiti ialah sebahagian daripada agenda nasional. Malaysia memerlukan universiti yang mampu melahirkan bakat yang tangkas, beretika, celik digital, berdaya cipta, dan berupaya berfungsi dalam dunia yang digerakkan oleh AI, data, automasi dan ketidaktentuan geopolitik.

7. Sebab itu, sebolehnya kualiti hari ini tidak boleh bersifat statik. Kualiti tidak lagi bermaksud sekadar mengekalkan standard lama. Kualiti hari ini bermaksud keupayaan untuk menilai semula standard itu sendiri, memperbaharuiinya mengikut tuntutan zaman, dan memastikan bahawa sistem kita tidak ketinggalan daripada cabaran yang sedang bergerak.
8. Inilah cabaran sebenar universiti masa kini. Universiti tidak lagi boleh hanya menjadi tempat menyampaikan ilmu. Universiti mesti menjadi institusi yang membantu negara mentafsir dunia. Universiti mesti menjadi ruang yang melatih masyarakat menghadapi *global complexities*. Universiti mesti menjadi benteng kepada rasionaliti, integriti, dan penyelesaian dalam zaman yang semakin sarat dengan ketidakpastian.
9. Atas sebab itu, keseluruhan budaya kualiti universiti ini sebagai sesuatu yang sangat strategik dan melihat kualiti sebagai budaya kepimpinan, dan bukan budaya pematuhan dan pentadbiran semata-mata. Akan tetapi budaya institusi yang sentiasa bertanya: adakah kita cukup pantas, cukup baik, cukup bersedia, dan cukup berani untuk memenuhi tuntutan masa depan?
10. Peranan Universiti Malaya untuk terus melangkah bukan sahaja sebagai universiti terbaik negara, tetapi sebagai institusi yang memahami denyut dunia. Institusi yang boleh berdiri teguh di tengah perubahan global. Institusi yang boleh membantu Malaysia menyesuaikan diri, bersaing, dan memimpin.

Institusi yang sedar bahawa dalam zaman yang penuh cabaran ini, kualiti bukan lagi pilihan pengurusan; kualiti ialah syarat kepada kelangsungan, kepimpinan dan maruah institusi.

11. Maka marilah kita jadikan Hari Kualiti ini sebagai satu seruan yang lebih besar daripada sekadar penambahbaikan dalaman, seruan agar universiti terus menjadi benteng keilmuan negara. Seruan agar pendidikan tinggi Malaysia terus berani berubah mengikut tuntutan zaman. Seruan agar kita membina sistem yang bukan sahaja efisien, tetapi bermaruah. Seruan agar kecemerlangan kita sentiasa berpijak pada integriti, keberanian dan tanggungjawab kepada masyarakat.

12. Maka pada akhirnya, ukuran sebenar kualiti berpaksikan keyakinan dan keberanian. Dunia hari ini tidak memberi ruang kepada institusi yang lambat, selesa atau sekadar bergantung pada nama. Dunia menuntut institusi yang cekap, berani, berprinsip dan sentiasa bersedia mendahului perubahan. Ini bukan sekadar memenuhi harapan negara, tetapi mengangkat keupayaan negara untuk berdiri dengan lebih yakin di pentas dunia. Itulah amanah kita. Dan itulah komitmen yang mesti kita pimpin bersama.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.